

MEX kini bergelar Critical Xchange

2 Feb 2015

Berita Harian

RANGKAIAN Ekspatriat Islam (MEX) menukar namanya kepada Critical Xchange mulai 8 Januari lalu.

Pengerusinya, Dr Mohamed Nawab Mohamed Osman, berkata Critical Xchange kini bergerak sebagai sebuah pertubuhan dan bukan lagi menjadi unit Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Perubahan itu dibuat untuk mencerminkan kedudukan uniknya sebagai "Kepelbagaian memenuhi Tindakan".

Ia adalah satu keputusan strategik yang diambil November lalu kerana matlamat penubuhan Mex dan AMP berbeza.

Dr Mohamed Nawab menambah Critical Xchange juga ingin membangun identiti sendiri dan mempunyai kumpulan sasaran berbeza daripada AMP.

Critical Xchange sebelum ini di bawah nama Mex ditubuhkan pada 2012 untuk menggalak integrasi ekspatriat Islam ke dalam masyarakat Islam setempat dan masyarakat Singapura.

Tujuan ialah untuk membantu ekspatriat Muslim membina rangkaian sosial sambil memenuhi tuntutan agama, kemasyarakatan dan profesional.

Mex dilancarkan AMP di Konvensyen Kebangsaan Karyawan Islam Singapura pada 2012.

Critical Xchange dianggotai ekspatriat dari Pakitsan, Indonesia, Malaysia dan negara Barat.

Sejak penubuhannya, ia telah menganjurkan beberapa program untuk membina dan mengukuhkan masyarakat setempat.

Maklumat lanjut boleh didapati dengan melayari www.criticalxchange.com.